

86.2% graduan UMS dapat kerja dalam tempoh enam bulan

# Penuhi sasaran kebolehpasaran

Oleh HISYAMUDDIN AYUB  
utusansabah@utusan.com.my  
UM 07.12.2011 26

**KOTA KINABALU** 6 Dis. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus membuktikan penubuhan institusi tersebut sebagai gedung ilmu terkemuka negara apabila hampir 90 peratus graduannya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah tamat pengajian.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, peningkatan kualiti akademik dan intelektual merupakan faktor utama membolehkan sebanyak 86.2 peratus graduan UMS mendapat pekerjaan pada tahun lalu.

Katanya, menerusi data sistem kajian pengesahanan graduan Kementerian Pengajian Tinggi, petunjuk prestasi utama (KPI) UMS dari segi kebolehpasaran graduan universiti itu pada 2010 menunjukkan 55 peratus mendapat pekerjaan dalam tempoh setengah tahun selepas tamat pengajian.

Begitupun katanya, selepas tindakan susulan dilaksanakan ke atas graduan, UMS mendapati pencapaian sebenar bagi kebolehpasaran graduan universiti itu pada tahun lalu adalah 86.2 peratus.

"Berdasarkan ulasan oleh komuniti yang terlibat dalam bidang pendidikan tinggi atau *peer review* kementerian melalui Program Pengurusan Pejabat pada 28 dan 29 Sep-

tember lalu, kaedah yang digunakan oleh UMS bagi mengesan graduan tersebut merupakan amalan terbaik di kalangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

"Ia satu pencapaian yang amat membanggakan kepada semua petugas di universiti ini dan kejayaan seumpama ini juga harus diperingkatkan dari semasa ke semasa, sekali gus menjadikan UMS sebagai destinasi ilmu terkemuka di negara ini," katanya pada Majlis Konvokesyen ke-13 UMS di sini baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis konvokesyen tersebut ialah Yang Dipertua Negeri yang juga Canselor UMS, Tun Juhar Mahiruddin dan Ketua Menteri merangkap Pro Canselor UMS, Datuk Seri Musa Aman.

Majlis Konvokesyen ke-13 UMS lebih meriah apabila bekas Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmadshah Abdullah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Sosiologi Organisasi.

Mengulas lanjut, Kamaruzaman berkata, UMS amat berbangga apabila seramai 72 graduan sarjana muda universiti itu berjaya memperoleh ijazah kelas pertama pada majlis konvokesyen berkenaan.

Menurutnya, sebanyak 4,484 mahasiswa berjaya menamatkan pengajian dan memperoleh sijil masing-masing dalam pelbagai bidang pengajian di universiti itu.



**KAMARUZAMAN** Ampon (dua dari kanan) menyaksikan buku Perarakan Berjubah Graduan diserahkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egoh (kanan) kepada Datuk Bandar Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madigkir sempena majlis Konvokesyen ke-13 UMS di Kota Kinabalu, baru-baru ini.